

PENCARIAN MAKLUMAT PENDERMAAN ORGAN DAN TISU DALAM PENGIKRAR PENDERMA ORGAN: SATU TINJAUAN AWAL

**NORMAWATI AHMAD, FARIDAH IBRAHIM, NORMAH MUSTAFFA
& CHANG PENG KEE
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pencarian maklumat pendermaan organ dan tisu dalam kalangan pengikrar penderma organ. Pengumpulan data dibuat dengan menggunakan borang soal selidik yang diisi sendiri oleh responden. Kajian ini telah melibatkan seramai 245 orang responden yang terdiri daripada mereka yang telah mendaftar sebagai pengikrar penderma organ. Responden dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan di empat buah pusat sumber transplan. Pencarian maklumat diukur melalui sumber media yang digunakan (media massa dan interpersonal), tumpuan maklumat, kecukupan maklumat, kepercayaan maklumat, usaha mencari maklumat, punca mencari maklumat dan mencari maklumat lanjut. Data yang dibincangkan ini adalah sebahagian dari hasil kajian yang dijalankan. Hasil kajian mendapati, surat khabar, televisyen, poster dan risalah menjadi sumber maklumat utama media massa sementara anggota kesihatan dan doktor menjadi pilihan untuk saluran interpersonal. Manakala poster telah diberi tumpuan dengan begitu kerap berbanding dengan media lain. Bagi kepercayaan maklumat, doktor dan anggota kesihatan telah diberi kepercayaan oleh responden bagi mendapatkan maklumat. Walaupun usaha mencari maklumat di kalangan responden adalah tinggi, namun dari segi kecukupan maklumat, majoriti responden menganggap maklumat masih lagi sederhana mencukupi. Manakala punca responden mencari maklumat adalah untuk menambahkan pengetahuan. Kajian menunjukkan kempen kesedaran pendermaan organ adalah penting.

Kata kunci: *Pencarian maklumat; tumpuan maklumat; kecukupan maklumat; kepercayaan maklumat; maklumat lanjut*

INFORMATION SEEKING ON ORGAN AND TISSUE DONATION AMONG PLEDGERS: A PRELIMINARY SURVEY

ABSTRACT

This research is to identify information seeking on organ and tissue donation among pledgers. Data gathering was made by means of survey forms which were completed by each individual respondent. This research involved 245 respondents of those who had registered as pledgers. Subjects were chosen based on purposive sampling method at four transplant resources centre. Data search was measured by media sources that were used (mass media and interpersonal), information focus, information sufficiency, information reliability, information gathering efforts, reason for information gathering and search of further information. The data discussed herewith is part of the research findings. In the research, it was found that newspapers, televisions, posters and pamphlets are main information sources of mass media while health staff and doctors are main choices of interpersonal channel. Posters are more popular and used more often as compared to other means of media. In terms of reliability, doctors and health staff win the trust of respondents who seek for information. Though respondents show vast efforts when searching for information, but when it comes to sufficiency of information, majority of them are in view that it is only moderately enough. On the other hand, the reason why subjects are looking for information is to accumulate knowledge. This research shows how important an awareness campaign is in promoting organ donation.

Keywords: *Information seeking; information focus; information sufficiency; information reliability; information gathering efforts*

Pengenalan

Pendermaan organ dan tisu merupakan salah satu isu kesihatan yang mendapat perhatian oleh masyarakat dan juga pihak media massa. Untuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menderma organ dan tisu di kalangan masyarakat, maka pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kerjasama daripada

Pusat Sumber Transplan Nasional (PSTN), Hospital Kuala Lumpur, Institut Jantung Negara (IJN), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yayasan Buah Pinggang (YBP), Persatuan Agama Buddha, Persatuan Hindu Sanggam, Kelab Rotary, Kelab Lion dan juga beberapa pertubuhan badan bukan kerajaan telah menjalankan beberapa kempen kesedaran pendermaan organ dan tisu. Tujuan dijalankan kempen kesedaran pendermaan organ dan tisu adalah untuk mengubah pendapat, nilai, sikap dan juga tingkah laku orang ramai agar tahap kesedaran dapat ditingkatkan dan seterusnya mendaftar sebagai pengikrar penderma organ.

Sehingga 31 Julai 2010 terdapat 145,293 pengikrar penderma organ dan tisu yang telah mendaftar (Laporan Pusat Sumber Transplan Nasional). Daripada jumlah ini seramai 84,325 (58.0%) ialah pengikrar berbangsa Cina dan diikuti pula dengan India iaitu 34,423 (23.7%), Melayu seramai 22,476 (15.4%), bangsa-bangsa lain iaitu 4004 (2.8%) dan selebihnya tidak diketahui bangsanya. Jumlah pengikrar penderma organ dari kalangan bangsa Melayu masih lagi rendah walaupun aliran semasa menunjukkan berlaku peningkatan dari setahun ke setahun. Di samping itu, jika dibandingkan dengan negara-negara lain, Malaysia masih lagi jauh ketinggalan dalam mendapatkan bilangan penderma organ sebenar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Datuk Dr. Zaki Morad Mohd Zaher, Presiden Persatuan Transplantasi Kebangsaan (*Utusan Malaysia*, 12 Disember 2005: 12) purata penderma hanyalah seorang penderma bagi setiap juta rakyat. Ini merupakan purata yang sangat minimum berbanding dengan kadar Eropah yang sesetengah negaranya mencatat sehingga 30 hingga 35 penderma bagi setiap juta rakyat seperti Sepanyol yang mencatat 34 orang penderma bagi sejuta rakyatnya. Bagi negara-negara lain, misalnya Belgium, 28 orang bagi setiap juta penduduk; Perancis, 25 orang bagi setiap juta rakyat; Amerika Syarikat, 25 orang bagi setiap juta rakyat; Austria, 24 orang bagi setiap juta rakyat dan Itali mencatat 21 orang bagi setiap juta rakyat (Sanz 2007).

Berdasarkan huraihan di atas, adalah penting kempen kesedaran pendermaan organ dan tisu dilaksanakan dengan strategi komunikasi yang berkesan. Menurut Siegel dan Doner (1998) strategi komunikasi akan menentukan bagaimana tingkah laku dipaparkan dalam minda khalayak sasaran. Begitu juga, strategi komunikasi akan mengenal pasti khalayak sasaran, tindakan yang perlu diambil dan juga menentukan bagaimana untuk menyampaikan atau menyediakan maklumat kepada khalayak. Banyak kempen gagal kerana tidak mempunyai perancangan strategi komunikasi yang sesuai.

Menurut Samsudin & Latiffah (2002), dalam konteks masalah kesihatan, sekiranya maklumat atau mesej kesihatan yang ada kena-mengena dengan diri individu itu, maka individu berkenaan akan cuba memberikan perhatian kepada maklumat berkenaan. Sekiranya maklumat yang dianggap individu tidak mempunyai perkaitan dengan dirinya, maka maklumat berkenaan tidak akan diberikan perhatian. Beberapa penyelidik lain (seperti Donohue, Tichenor & Olien 1975: Grunig & Dosbrow 1977) pula menganggap situasi individu dan

kesesuaian maklumat merupakan faktor utama mempengaruhi individu mencari maklumat.

Wilson (1994) menyatakan bahawa persekitaran media akan mendorong individu untuk mencari maklumat dan meningkatkan permintaan ke atas sumber maklumat yang pelbagai. Antara sumber maklumat yang dirujuk oleh responden adalah saluran komunikasi formal dan tidak formal yang wujud dalam persekitaran (Shackel 1990). Tidak dinafikan bahawa saluran yang pelbagai akan menyediakan peluang yang lebih luas kepada individu untuk melakukan pemilihan maklumat yang diperlukan. Walau bagaimanapun, saluran komunikasi hanyalah sebagai "pembawa" maklumat. Jika sesuatu maklumat itu tidak sesuai dengan situasi khalayak, sudah tentu khalayak tidak akan memberikan perhatian kepada maklumat berkenaan.

Ransangan terhadap mesej media juga ada kaitannya dengan keterlibatan (*involvement*) sasaran terhadap isu pendermaan organ dan tisu yang menjadi fokus mesej kesihatan berkenaan. Ray (1973) dan Chafee dan Rosner (1986) berpendapat keterlibatan adalah penting untuk meransangkan individu memproses sesuatu maklumat. Menurut sarjana-sarjana ini, sesuatu maklumat mestilah mempunyai ciri keterlibatan yang tinggi sehingga orang ramai merasakan keperluan untuk memberikan perhatian kepada maklumat itu. Ini disebabkan isu pendermaan organ dan tisu adalah satu "isu berat" yang memerlukan pengorbanan seorang insan untuk menyelamatkan nyawa insan lain. Ia memerlukan individu melalui proses pemahaman tentang konsep pendermaan organ dan tisu sebelum membuat keputusan untuk menderma organ. Isu pendermaan organ dan tisu bukan isu yang ringan di mana individu akan bertindak segera kepada ransangan mesej pendermaan organ dan tisu yang disalurkan melalui media. Sebaliknya, ia memerlukan ruang dan masa untuk individu membuat sebarang keputusan yang sewajarnya. Oleh itu, untuk menjamin keberkesanan kempen adalah dengan memastikan bahawa orang ramai mempunyai kemudahan dan ruang untuk mendapatkan maklumat pendermaan organ dan tisu.

Permasalahan kajian

Dalam usaha menilai kempen kesedaran pendermaan organ dan tisu, seperkara yang dianggap penting adalah untuk meninjau sejauh mana masyarakat di negara ini aktif mencari maklumat tentang pendermaan organ dan tisu. Pencarian maklumat adalah satu aktiviti komunikasi yang penting dalam kehidupan manusia. Manusia tidak akan memulakan pencarian kecuali sekiranya berlaku sesuatu yang menyebabkan mereka mencari maklumat yang dikehendaki. Percarian berlaku apabila mereka menghadapi masalah, kurang memahami atau masih lagi ragu-ragu tentang sesuatu maklumat. Untuk memenuhi keperluan maklumat tersebut, maka manusia akan membaca majalah, akhbar, buku atau mencari maklumat menerusi internet dan memulakan pencarian tentang maklumat yang diperlukan (Samsudin & Latiffah 2002).

Dalam usaha menyebarkan maklumat melalui kempen kesedaran pendermaan

organ dan tisu sudah pasti tidak semua keperluan maklumat dapat ditangani kerana setiap individu mempunyai tahap maklumat dan pengetahuan yang berbeza tentang pendermaan organ dan tisu. Apa yang diharapkan setiap kempen kesedaran pendermaan organ dan tisu yang dijalankan serta penyebaran maklumat pendermaan organ dan tisu di media elektronik dan cetak dapat mencetuskan minat orang ramai untuk mendaftar sebagai pengikrar penderma organ. Kajian mengenai liputan penyakit AIDS oleh akhbar tempatan mendapati bahawa akhbar memain penting dalam memobilisasikan maklumat kepada pembaca dan berpotensi menyampaikan maklumat yang penting untuk khalayak memahami lebih lanjut mengenai penyakit tersebut (Faridah dan Samsudin, 1997; 1998). Maklumat yang disalurkan juga bertindak sebagai katalis untuk menggerakkan orang ramai mencari maklumat lanjut melalui pelbagai saluran bagi melengkapkan diri dengan pengetahuan yang sesuai dalam membuat keputusan untuk mendaftar (Samsudin & Latiffah 2002). Di samping itu peranan sesuatu visual dalam memaklumangkan masyarakat juga didapati berpotensi meningkatkan pengetahuan mengenai sesuatu isu terutamanya dalam kes pandemik (Chang et al. 2010).

Mencari maklumat adalah dianggap sebagai aktiviti bertujuan untuk merapatkan jurang di antara maklumat yang diperolehi dengan maklumat yang diingini. Ini disebabkan maklumat yang diterima melalui sesuatu kempen komunikasi tidak semestinya memenuhi keperluan maklumat individu kerana setiap individu mempunyai situasi kesihatan yang berbeza. Dengan mencari maklumat lanjut, individu berkenaan akan berupaya untuk merapatkan jurang keperluan maklumatnya. Untuk memastikan perkara ini berjaya, maka pihak penyampai maklumat perlulah bersedia untuk memenuhi keperluan atau permintaan oleh individu yang pelbagai.

Aktiviti komunikasi mencari maklumat ini juga ada kaitannya dengan bagaimana maklumat itu digunakan. Selaras dengan itu, perancang kempen juga perlu memastikan bahawa maklumat yang akan disediakan untuk memenuhi pencarian maklumat individu itu mestilah sesuai dengan keperluannya. Individu yang mempunyai maklumat yang mencukupi akan bertindak lebih aktif untuk mengambil tindakan dengan mendaftar sebagai pengikrar penderma organ.

Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pencarian maklumat pendermaan organ dan tisu di kalangan pengikrar penderma organ.

Objektif kajian

Objektif umum kajian ialah untuk mengenal pasti sumber yang digunakan untuk mencari maklumat pendermaan organ dan tisu.

Skop kajian

Kajian ini memberi tumpuan hanya kepada pendermaan organ dan tisu sahaja. Kumpulan sasaran untuk kajian ini terdiri daripada mereka yang telah mendaftar

sebagai pengikrar penderma organ dan tisu sahaja.

Kewajaran kajian

Kajian ini diharap dapat memberi idea serta cadangan kepada pihak perancang kempen dan mendapat kerjasama sepenuhnya daripada agensi-agensi kerajaan, pihak media massa, persatuan-persatuan, badan bukan kerajaan dan orang perseorangan bagi menyediakan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pendermaan organ dan tisu terutamanya dari aspek agama serta pentingnya memberi peringatan kepada setiap pengikrar penderma organ memaklumkan kepada ahli keluarga agar perolehan organ selepas individu terbabit meninggal dunia berjalan dengan lancar. Tujuannya agar memudahkan masyarakat melakukan proses pencarian maklumat dan membawa kepada pendaftaran sebagai pengikrar penderma organ.

Metodologi kajian

Kaedah Kajian

Data untuk kajian ini telah dikumpul melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang dijawab sendiri oleh responden. Walau bagaimanapun, para petugas sentiasa memberikan kerjasama sekiranya responden memerlukan bantuan.

Pemilihan sampel

Untuk tujuan pemilihan sampel, kajian ini telah menggunakan kaedah persampelan bertujuan di mana responden terdiri daripada mereka yang telah mendaftar sebagai pengikrar penderma organ sahaja. Dalam teknik pemilihan responden ini, pengkaji telah memilih empat buah pusat sumber transplan yang ada di Malaysia iaitu:-

1. Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur;
2. Pusat Sumber Transplan, Hospital Permaisuri Bainun, Perak;
3. Pusat Sumber Transplan, Hospital P.Pinang;
4. Pusat Sumber Transplan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru.

Seramai 245 orang responden telah terlibat di dalam kajian ini. Di mana mereka yang terlibat menjawab soal selidik ini adalah mereka yang datang secara terus atau 'walk-in' ke Pusat-pusat Sumber Transplan dan juga semasa kempen-kempen kesedaran pendermaan organ dijalankan oleh Pusat-pusat Sumber Transplan tersebut.

Analisa data dan hasil kajian

Analisis deskriptif

Latar belakang demografik responden

Kajian ini telah dijalankan ke atas 245 orang responden yang terdiri daripada pengikrar penderma organ. Daripada jumlah tersebut majoriti responden iaitu 58 peratus terdiri daripada perempuan dan 42 peratus adalah lelaki.

Manakala dari segi umur, kajian ini telah memilih enam kategori umur di kalangan pengikrar penderma organ. Dari jumlah tersebut 25.7 peratus berumur

antara 18 - 24 tahun, 32.7 peratus berumur antara 25 - 31 tahun, 17.6 peratus berumur antara 32 – 38 tahun, 9.0 peratus berumur antara 39 - 45 tahun, 7.3 peratus berumur antara 46- 52 tahun dan 4.9 peratus berumur antara 53 tahun dan ke atas.

Dari segi bangsa pula, sebanyak 49.0 peratus terdiri daripada bangsa Melayu, 26.5 peratus adalah berbangsa Cina, 20.4 peratus berbangsa India dan 3.3 peratus adalah lain-lain bangsa (Lihat Jadual 1).

Jadual 1 : Latar belakang demografi responden

Latar belakang demografi	Kekerapan	Peratus
Umur		
18 - 24 tahun	63	25.7
25 - 31 tahun	80	32.7
32 – 38 tahun	43	17.6
39 - 45 tahun	22	9.0
46 - 52 tahun	18	7.3
53 tahun dan ke atas.	12	4.9
Jantina		
Lelaki	103	42.0
Perempuan	142	58.0
Bangsa		
Melayu	120	49.0
Cina	65	26.5
India	50	20.4
Lain-lain	8	3.3

Dari segi pendidikan tertinggi, responden yang mempunyai tahap pendidikan Diploma/Sijil/A-Level/Matrikulasi/STPM adalah paling ramai menjadi pengikrar penderma organ iaitu 47.0 peratus. Diikuti dengan 24.5 peratus lulusan MCE/SPM, 21.2 peratus mempunyai lulusan Doktor Falsafah/Sarjana/Ijazah, 6.1 peratus berkelulusan LCE/SRP/PMR dan masing-masing 1.2 peratus berkelulusan UPSR/ Penilaian Darjah 5 dan lain-lain (Jadual 2)

Jadual 2 : Pendidikan tertinggi responden

Pendidikan tertinggi	Kekerapan	Peratus
UPSR/Penilaian Darjah 5	3	1.2
LCE/SRP/PMR	15	6.1
MCE/SPM	60	24.5
Diploma/Sijil/A-Level/Matrikulasi/STPM	115	47.0
Doktor Falsafah/Sarjana/Ijazah	52	21.2

Pencarian maklumat

Penggunaan sumber media untuk mendapatkan maklumat pendermaan organ dan tisu.

Dari segi penggunaan sumber media massa majoriti responden menggunakan surat khabar (79.2%), diikuti dengan televisyen (75.9%), poster (63.3%) dan risalah (61.6%) untuk mendapatkan maklumat pendermaan organ dan tisu. Manakala bagi penggunaan saluran antara peribadi, kebanyakan responden mendapatkan khidmat anggota kesihatan iaitu 73.5 peratus untuk mendapatkan maklumat.

Jadual 3 : Penggunaan sumber media

MEDIA	Bilangan	Peratusan
Penggunaan sumber media massa		
Televisyen	186	75.9
Radio	147	60.0
Surat khabar	194	79.2
Majalah	117	47.8
Buku	82	33.5
Internet	149	60.8
Billboard	29	11.8
Iklan di bas	34	13.9
Pawagam	22	9.0
Risalah	151	61.6
Poster	155	63.3
Penggunaan saluran antara peribadi		
Doktor	142	58.0
Anggota kesihatan (selain dari doktor)	180	73.5
Suami/isteri	47	19.2
Ibubapa	50	20.4
Ahli keluarga	86	35.1
Rakan-rakan	132	53.9
Jiran tetangga	31	12.7
Pemimpin masyarakat	45	18.4
Pemimpin agama	70	28.6
Kumpulan NGOs	74	30.2

Kekerapan responden memberikan tumpuan kepada maklumat pendermaan organ dan tisu melalui penggunaan media

Hasil kajian menunjukkan poster telah diberi tumpuan yang kerap berbanding dengan media lain iaitu 60.4 peratus dan diikuti dengan surat khabar sebanyak 26.5 peratus dan risalah 22.4 peratus. Manakala media yang diberi tumpuan sekali-sekala oleh responden paling tinggi adalah radio iaitu 37.1 peratus, diikuti dengan 35.9 peratus memberi tumpuan kepada anggota kesihatan dan 34.3

peratus memberi tumpuan kepada televisyen. Dari segi media yang jarang diberi tumpuan adalah televisyen iaitu 25.3 peratus. Manakala pawagan telah dipilih oleh responden sebagai tidak pernah diberi tumpuan iaitu 26.1 peratus. (Jadual 4)

Jadual 4 : Kekerapan responden memberi tumpuan melalui media

Media	Peratus			
	Tidak pernah	Jarang	Sekali-sekala	Kerap
Televisyen	9.0	25.3	34.3	14.7
Radio	11.0	16.3	37.1	9.4
Surat khabar	5.7	12.7	30.6	26.5
Majalah	7.8	16.3	25.7	8.2
Buku	9.8	18.0	18.0	9.4
Internet	4.1	16.7	18.8	18.4
Billboard	22.4	13.5	4.9	2.4
Iklan di bas	21.2	11.4	8.6	2.0
Pawagam	26.1	8.2	6.1	2.9
Risalah	4.9	9.8	20.4	22.4
Poster	2.0	11.4	23.3	60.4
Rakan-rakan	7.3	12.2	28.6	13.5
Anggota kesihatan	3.7	9.8	35.9	16.3

N=224

Kecukupan maklumat

Dari segi kecukupan maklumat, sebanyak 28.6 peratus menyatakan sederhana cukup, 23.3 peratus menyatakan agak cukup dan 18.8 peratus menyatakan maklumat adalah cukup. Bagi responden yang menyatakan amat cukup sebanyak 16.5 peratus. (Jadual 5).

Jadual 5 : Kecukupan maklumat

Kecukupan maklumat	Bilangan	Peratusan
Amat tidak cukup	6	2.4
Tidak cukup	20	8.2
Kurang cukup	25	10.2
Sederhana	70	28.6
Agak cukup	57	23.3
Cukup	46	18.8
Amat cukup	16	16.5

Tahap Kepercayaan kepada sumber maklumat

Dari segi kepercayaan kepada sumber-sumber yang digunakan untuk mencari atau mendapatkan maklumat menunjukkan kesemua sepuluh sumber yang

disenaraikan, majoriti responden memilih tahap "percaya". Ini dapat dilihat menerusi peratusan tahap "percaya" yang tinggi berbanding dengan tahap kepercayaan yang lain. Namun, jika bandingkan di antara sumber –sumber maklumat melalui tahap "percaya" tersebut menunjukkan doktor dan anggota kesihatan mendahului sebagai sumber maklumat yang lebih dipercayai berbanding sumber lain iaitu 50.2 peratus, diikuti dengan televisyen (43.3%), surat khabar (41.2%), manakala radio, internet dan buku masing-masing menunjukkan tahap "percaya" yang sama dipilih oleh responden iaitu 40.4 peratus, majalah (38.4%) , rakan-rakan (33.2%) dan ahli keluarga (31.0%). (Jadual 6)

Jadual 6 : Tahap kepercayaan terhadap sumber maklumat

Sumber maklumat	Peratusan						
	1	2	3	4	5	6	7
Doktor	0.4	-	-	4.5	20.0	50.2	17.1
Anggota Kesihatan (selain dari doktor)	0.4	-	0.4	-	-	50.2	27.3
Ahli keluarga	0.8	0.8	7.3	25.3	23.3	31.0	9.0
Rakan-rakan	0.4	0.4	6.1	22.4	26.9	33.1	8.6
Surat khabar	-	-	4.5	11.8	26.1	41.2	14.7
Majalah	0.4	0.8	6.1	14.3	23.3	38.4	14.7
Radio	0.4	0.4	4.5	13.5	21.6	40.4	16.7
Televisyen	0.4	0.0	3.7	9.0	20.8	43.3	20.8
Internet	0.4	0.4	4.9	13.5	22.0	40.4	15.9
Buku	0.4	-	5.3	11.4	24.1	40.4	16.3

Catatan: 1. Amat tidak percaya 2. Tidak percaya 3. Kurang percaya
4. Sederhana 5. Agak percaya 6. Percaya 7. Amat percaya

Tahap persetujuan terhadap pencarian maklumat

Dari segi tahap persetujuan terhadap pencarian maklumat di dapat bahawa ketujuh-tujuh pernyataan yang diberikan, majoriti responden memilih tahap "setuju". Ini dapat dilihat menerusi peratusan yang tinggi berbanding dengan tahap persetujuan yang lain. Iaitu sebanyak 42.9 peratus bagi pernyataan "Anda mengambilberat tentang kualiti maklumat yang diperlukan", 37.6 peratus responden bersetuju dengan pernyataan "Anda memerlukan lebih banyak maklumat tetapi tidak tahu mendapatkannya"; 35.9 peratus bagi pernyataan "Anda berpuashati dengan maklumat yang anda perolehi", 35.5 peratus bagi pernyataan "Anda tidak mempunyai masa untuk mendapatkan semua maklumat yang dikehendaki", 35.1 peratus bagi pernyataan "Proses pencarian memerlukan masa yang banyak untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan", 25.3 peratus bagi pernyataan "Anda berasa kecewa ketika mencari maklumat kerana maklumat yang dikehendaki tidak memuaskan" dan 21.6 peratus bagi pernyataan "Maklumat yang diperolehi

terlalu sukar untuk difahami” (Jadual 7)

Jadual 7 : Tahap persetujuan terhadap pencarian maklumat

Item	Peratusan						
	1	2	3	4	5	6	7
Anda memerlukan lebih banyak maklumat, tetapi tidak tahu di mana untuk mendapatkannya.	2.0	6.1	4.5	12.7	20.0	37.6	17.1
Proses pencarian memerlukan masa yang banyak untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.	1.6	6.1	7.8	12.2	20.8	35.1	16.3
Anda tidak mempunyai masa untuk mendapatkan semua maklumat yang dikehendaki	1.6	5.7	12.7	17.6	19.2	35.5	7.8
Anda berasa kecewa ketika mencari maklumat kerana maklumat yang dikehendaki tidak memuaskan.	1.6	4.9	14.7	20.8	21.2	25.3	1.4
Anda mengambilberat tentang kualiti maklumat yang diperlukan	0.8	0.8	1.6	10.6	22.0	42.9	20.8
Maklumat yang diperolehi terlalu sukar untuk difahami.	0.8	6.9	18.4	21.6	20.8	21.6	9.8
Anda berpuashati dengan maklumat yang anda perolehi	1.6	2.4	3.7	15.9	29.4	35.9	10.6

Catatan: 1. Amat setuju 2. Tidak setuju 3. Kurang setuju 4. Sederhana
5. Agak setuju 6. Setuju 7. Amat setuju

Berusaha untuk mendapatkan maklumat

Dari segi usaha mendapatkan maklumat, 9.6 peratus sahaja menyatakan tidak pernah berusaha mendapatkan maklumat, manakala 91.4 peratus menyatakan pernah berusaha mendapatkan maklumat.(Jadual 8)

Jadual 8 : Berusaha untuk mendapatkan maklumat

Berusaha untuk mendapatkan maklumat	Bilangan	Peratusan
Tidak pernah	36	9.6
Pernah	209	91.4

Kali terakhir responden mencari maklumat

Bagi responden yang menjawab pernah, mereka turut ditanya tentang kali terakhir mereka mencari maklumat, dan hasil kajian menunjukkan bahawa 47.3 peratus menyatakan beberapa bulan yang lepas, 25.4 peratus menyatakan beberapa tahun yang lepas, 13.9 peratus menyatakan beberapa hari yang lepas dan 13.4 peratus menyatakan beberapa minggu yang lepas.(Jadual 9)

Jadual 9 : Kali terakhir responden mencari maklumat

Kali terakhir mencari maklumat	Bilangan	Peratusan
Beberapa hari yang lepas	29	13.9
Beberapa minggu yang lepas	28	13.4
Beberapa bulan yang lepas	99	47.3
Beberapa tahun yang lepas	53	25.4

N=209

Kepuasan maklumat yang diterima

Pengkaji turut ingin mengenal pasti kepuasan maklumat yang diterima oleh responden semasa melakukan pencarian maklumat pada kali terakhir. Sebanyak 26.3 peratus menyatakan kepuasan maklumat adalah sederhana, dikuti 27.7 peratus adalah memuaskan dan 24.4 agak memuaskan.(Jadual 10)

Jadual 10 : Kepuasan maklumat

Kepuasan maklumat	Bilangan	Peratusan
Amat tidak memuaskan	1	0.4
Tidak memuaskan	6	3.0
Kurang memuaskan	16	7.7
Sederhana	55	26.3
Agak memuaskan	51	24.4
Memuaskan	58	27.7
Amat Memuaskan	22	10.5

N=209

Punca mencari maklumat

Dari segi punca atau sebab responden mencari maklumat, sebanyak 82.3 peratus menyatakan untuk menambahkan pengetahuan, 66.0 peratus menyatakan untuk

berkongsi pendapat dengan orang lain, 53.5 peratus menyatakan minat dalam bidang pendermaan organ dan tisu 8.1 peratus adalah disebabkan lain-lain punca dan 3.8 peratus menyatakan tidak tahu.(Jadual 11)

Jadual 11 : Punca mencari maklumat

Punca mencari maklumat	Bilangan	Peratusan
Untuk menambahkan pengetahuan	172	82.3
Minat dalam bidang pendermaan organ dan tisu	112	53.5
Untuk berkongsi pendapat dengan orang lain	138	66.0
Lain-lain	17	8.1
Tidak tahu	8	3.8

N=209

Ingin mendapatkan maklumat lanjut

Responden turut ditanya sekiranya mereka ingin mendapatkan maklumat lanjut tentang pendermaan organ dan tisu, di manakah mereka akan mendapatkannya. Analisis menunjukkan sebanyak 80.4 peratus responden telah memilih hospital bagi mendapatkan maklumat lanjut. Ini diikuti dengan 77.1 peratus daripada internet, 72.7 peratus daripada doktor dan 70.2 peratus daripada Pusat Sumber Transplan Nasional. (Jadual 12)

Jadual 12 : Maklumat lanjut

Maklumat lanjut	Bilangan	Peratusan
Internet	189	77.1
Doktor	178	72.7
Hospital	197	80.4
Pusat Sumber Transplan Nasional	172	70.2
Pegawai Pendidikan Kesihatan	118	48.2
Ahli Keluarga	43	17.6
Rakan-rakan	55	23.9
Perpustakaan	38	15.5
Jabatan Kesihatan Negeri	91	37.1
Yayasan Buah Pinggang	78	31.8
Institut Jantung Negara	99	40.4
Klinik-klinik kesihatan	65	26.5
Surat Khabar	86	35.1
Majalah	55	22.4
Lain-lain	6	2.4

N=245

Rumusan dan perbincangan kajian

Secara umum hasil kajian ini menunjukkan dalam usaha mencari maklumat,

media memainkan peranan yang efektif sebagai alat untuk menyampaikan maklumat kepada masyarakat. Kajian ini mendapati maklumat pendermaan organ dan tisu yang dicari atau diperolehi melalui surat khabar, televisyen, poster dan risalah lebih banyak mendapat perhatian daripada medium lain.

Maklumat yang disebarluaskan melalui medium lain seperti *billboards* dan promosi di pawagam tidak begitu menarik perhatian responden. Ini mungkin disebabkan kekerapan pendedahan kepada maklumat yang disebarluaskan melalui medium tersebut adalah lebih rendah berbanding medium lain. Ini disebabkan *billboards* hanya dipasang di tempat-tempat tertentu sahaja dan jangkauannya kepada orang ramai adalah sangat terbatas. Tentang pawagam pula, pengkaji mengandaikan jumlah orang ramai yang mengunjungi pawagam sekarang adalah sangat rendah kerana terdapat persaingan dengan televisyen dan alat perakam di rumah. Manakala risalah dan poster yang sering dianggap sebagai ‘media kecil’ ini, didapati lebih digunakan berbanding dengan internet, radio, majalah, buku dan iklan di bus (*bus panel*). Dengan itu, jika medium ini digunakan secara optimum bersesuaian dengan peranan dan fungsinya, besar kemungkinan ia dapat memainkan peranan yang lebih efisyen lagi.

Tentang penggunaan saluran peribadi, kajian ini mendapati bahawa anggota kesihatan dan doktor diberi pilihan pertama dan kedua untuk mendapatkan maklumat diikuti dengan rakan-rakan. Ini menunjukkan anggota kesihatan boleh dianggap mempunyai kredibiliti yang tinggi dalam usaha menyampaikan maklumat. Manakala rakan-rakan boleh dianggap sebagai saluran yang dapat menjadi alternatif dalam menyebarkan maklumat pendermaan organ dan tisu. Dari segi kepercayaan mendapatkan maklumat, doktor masih lagi diberi kepercayaan oleh responden. Sehubungan itu, pengkaji berpendapat doktor mahupun anggota kesihatan perlu meningkatkan lagi pengetahuan yang mendalam tentang maklumat pendermaan organ dan tisu serta kemahiran berkomunikasi dengan orang ramai untuk menarik masyarakat mendaftar sebagai pengikrar penderma organ.

Tumpuan kepada sesuatu maklumat adalah penting. Ukuran tumpuan kepada maklumat memberikan gambaran bahawa seseorang individu memberikan perhatian kepada maklumat dan memberi implikasi ia memproses maklumat berkenaan. Maklumat yang diproses individu dijangka akan memberi ‘kesan’ yang lebih daripada pendedahan tanpa memproses maklumat. Dari segi tumpuan kepada maklumat, didapati poster telah diberi tumpuan dengan kadar kekerapan yang tinggi berbanding dengan media lain. Manakala pawagam diberi tumpuan dengan kadar kekerapan yang paling rendah. Manakala, televisyen diberi tumpuan secara jarang-jarang dan radio pula diberi tumpuan hanya sekali-sekala oleh responden.

Usaha mencari maklumat adalah penting kerana ia akan membantu individu untuk melengkapkan lagi maklumat yang telah sedia diterima. Lazimnya maklumat yang akan dicari adalah lebih khusus untuk memenuhi keperluan maklumat spesifik yang diperlukannya. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pada umumnya, jumlah responden yang berusaha mencari maklumat adalah

tinggi, namun masih ramai juga berpendapat maklumat yang dicari itu sederhana mencukupi dan sederhana memuaskan untuk memenuhi keperluan maklumat yang dikehendakinya. Dalam konteks ini, pihak yang merancang kempen kesedaran pendermaan organ perlu bersedia untuk menyediakan maklumat lanjut untuk memastikan bahawa usaha mencari maklumat oleh orang ramai dapat ditangani dengan memuaskan.

Seterusnya hasil kajian menunjukkan bahawa punca yang mendorong responden untuk mencari maklumat adalah untuk menambahkan pengetahuan. Memang tidak dapat dinafikan pengetahuan individu boleh ditingkatkan apabila individu dapat memenuhi keperluan maklumatnya melalui aktiviti pencarian maklumat.

Kajian ini juga meninjau tentang aktiviti mencari maklumat lanjut. Diandaikan mereka yang berminat untuk meningkatkan lagi pengetahuan akan berusaha untuk mencari maklumat lanjut mengenai maklumat pendermaan organ dan tisu yang telah diterimanya. Kajian menunjukkan hospital telah dipilih sebagai tempat utama untuk mencari maklumat lanjut. Diikuti dengan internet, doktor dan Pusat Sumber Transplan. Hospital telah dipilih kerana hospital di anggap mempunyai segala kemudahan untuk orang ramai mendapatkan perkhidmatan sama ada untuk mendapatkan maklumat atau merawat pesakit.

Kesimpulannya, individu sasaran akan bertindak lebih yakin sekiranya mereka mempunyai maklumat yang mencukupi. Tanpa maklumat yang mencukupi berkemungkinan mereka tidak dapat membuat keputusan yang sewajarnya. Dengan itu perancang kempen perlu melihat usaha mencari maklumat sebagai satu aktiviti penting yang sama pentingnya dengan usaha penyebaran maklumat. Ini bermaksud, perancang kempen juga mesti berupaya untuk memberikan maklumat yang diminta atau dicari oleh orang ramai kerana berdasarkan konsep permintaan itu akan lebih sesuai dengan keperluan individu berkenaan dan menjadikan maklumat berkenaan lebih berkesan kepada mereka.

About the authors

Normawati Ahmad is currently a PhD candidate at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at wgk1796@yahoo.com. **Dr Faridah Ibrahim** is an Associate Professor in Journalism, **Dr Normah Mustaffa** is the current Chair of the School of Media and Communication Studies, and **Dr Chang Peng Kee** is the Head of Communication and Information Management Program at the same School under the same faculty. They can be contacted at fbi@ukm.my, normahm@ukm.my and chang@ukm.my respectively.

Rujukan

- Chaffee, S.H. & Roser, C. (1986). Involvement and the consistency of knowledge, attitudes and behaviors. *Communication Research*, 13(3),373-399.
- Chang Peng Kee, Faridah Ibrahim & Normah Mustaffa. (2010). Framing a pandemic. Analysis of Malaysian newspapers in the H1N1 coverage. *Journal*

- of Media and Information Warfare.* Vol 3, 105-122.
- Donohue, G.A., Tichenor, P.J. & Olien, C.N. (1975). Mass media and the knowledge gap: a hypothesis reconsidered. *Communication Research*, 2(1), 3-23.
- Grunig, J. & Disbrow, J. (1977). Developing probabilistic model for communication decision making. *Communication Research*, 4(2), 145-167.
- Faridah Ibrahim & Samsudin A. Rahim. (1997). Akhbar dan AIDS: Arah dan tumpuan. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar on the role of social sciences and humanities in the industrial societies, anjuran FSKK, 2-3 Januari 1997.
- Faridah Ibrahim & Samsudin A. Rahim. (1998). Akhbar dan peranan mobilisasi informasi. Analisis liputan HIV/AIDS. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar FSKK Peranan ilmu sains kemasyarakatan dan kemanusiaan dalam pembangunan Negara, anjuran FSKK , 18-19,Ogos 1998.
- Laporan Statistik Pendermaan Organ dan Tisu Seluruh Malaysia. Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur, 31 November 2009
- Ray, M.L. (1973). Marketing Communication and the hierarchy of effects. In Clarke, P. (Eds). *New models for mass communication research* (pp147-176) Beverly Hills: Sage Publications.
- Rimal, R. Flora, J. & Schooler, C. (1999). Achieving improvements in overall health orientation: effects of campaigns exposure, information seeking, and health media use. *Communication Research*, 26 (3), 322-348.
- Samsudin A. Rahim dan Latiffah Pawanteh.(2002). *Kajian penilaian kempen cara hidup sihat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Sanz, A. (2007). International donation and transplantation activity. IRODaT preliminary figures', *Organs, Tissues and Cells*, 1, 7–10. <http://www.etc.org/irodat/new/Irodat07.pdf> [1 September 2008].
- Shackel, B. (1990). Information seeking exchange within the research community. In M.Teeney & K.Merry . *Information technology and the research process* (pp147-162) Boston: Beacon Press.
- Siegel, M. and Doner,L.(1998). *Marketing public health*: Strategies to promote social change. Maryland: An Aspen Publication
- Utusan Malaysia*,12 Disember 2005
- Wilson, T.D. (1994). Information needs and uses. <http://information.net/tdw/publ/papers/1994JDocRev.html> [t.th]